

TENDER KBK TAHUN 2027



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN TAWARAN TENDER

TENDER PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/ INSTITUSI PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM) TAHUN 2027

Tawaran ini adalah dipelawa kepada pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah **Kod Bidang, Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang yang masih berkuat kuasa:**

i) **221001 - Pembersihan Bangunan dan Pejabat; dan**

ii) **221002 - Membersih Kawasan**

Tender dilaksanakan melalui sistem ePerolehan secara dalam talian sepenuhnya. Pembekal yang ingin menyertai tender ini **MESTILAH** berstatus **eP-enabled** (mempunyai ID log masuk dan Sijil Digital yang telah diaktifkan).

Tawaran tender hendaklah dikunci masuk ke dalam sistem ePerolehan sebelum atau **selewat-lewatnya jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup tender.

Tawaran tender **tidak akan dipertimbangkan** sekiranya:

i) Pembekal **GAGAL** memuat naik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam sistem ePerolehan;

ii) Pembekal memuat naik dokumen selain yang dibekalkan dalam sistem ePerolehan; dan/atau

iii) Petender **LEWAT** menyerahkan tawaran tender dengan lengkap ke dalam sistem ePerolehan.

Iklan tender ini juga boleh dirujuk di portal rasmi **Kementerian Pendidikan** (<https://www.moe.gov.my>); **Sistem ePerolehan** (<https://www.eperolehan.gov.my>) dan **MyProcurement** (<https://myprocurement.treasury.gov.my/>). Pembekal dinasihatkan untuk sentiasa melayari portal rasmi yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Setiap pembekal yang hendak memasuki tender hendaklah membaca dokumen/lampiran dan memahami butiran tender sebelum mengemukakan tawaran.

Kementerian Pendidikan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.

Jika maklumat yang dinyatakan dalam borang dan/atau dokumen yang dikemukakan oleh pembekal didapati **TIDAK BENAR/PALSU** atau terdapat sebarang usaha **MENYEMBUNYIKAN MAKLUMAT** sebelum, semasa atau selepas tender ini, maka Kerajaan pada bila-bila masa berhak **MENOLAK TAWARAN** atau **MEMBATALKAN SURAT SETUJU TERIMA** atau **MENAMATKAN KONTRAK** ini. Seterusnya akan melaporkan kepada **POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)** dan **SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)**.

Keputusan tender adalah **MUKTAMAD DAN SEBARANG SURAT-MENYURAT TIDAK AKAN DILAYAN.**

Perincian tender adalah seperti berikut:

BIL.	NO. QT TENDER	NAMA ZON/ INSTITUSI	TEMPOH IKLAN TENDER
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH			
1	QT260000000027322	SEKOLAH BERASRAMA PENUH INTEGRASI TANAH MERAH	Tarikh Iklan: 21 September 2026 hingga 12 Oktober 2026 (Melalui Sistem ePerolehan dan MyProcurement)